

DATE: 14 / 1 / 2008

PM kongsi pengalaman satukan rakyat Malaysia

Forum ketamadunan rapatkan jurang negara, budaya seluruh dunia



Mahfar Ali
di Madrid

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi akan berkongsi pengalaman Malaysia menyatukan penduduk pelbagai kaum dan agama pada Forum Perikatan Ketamadunan (AOC) yang pertama diadakan di sini, bermula esok.

Forum dua hari itu yang dianjurkan kerajaan Sepanyol, akan dihadiri Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Ban Ki-moon, beberapa ketua negara dan 50 menteri luar serta pemimpin politik, masyarakat dan agama.

Duta Besar Malaysia ke Sepanyol, Datuk Naimun Ashakli Mohamad, berkata Perdana Menteri diundang kerana Sepanyol menganggap Malaysia sebagai negara Islam yang demokrasi serta mempunyai pengalaman menyatukan penduduk pelbagai kaum dan agama.

"Forum ini diadakan secara interaktif dan Malaysia boleh berkongsi pengalamannya untuk membantu mencari jalan bagi mengurangkan jurang ketidaksefahaman antara negara Islam dan Barat," katanya dalam taklimat kepada media Malaysia me-

ngenai lawatan kerja Perdana Menteri ke sini.

Abdullah yang tiba di ibu negara Sepanyol semalam, menjadi seorang daripada panel pada sesi pertama bertajuk *Perikatan Ketamadunan: Menguruskan Kepelbagaian Dalam Era Globalisasi*.

Forum yang akan dirasmikan Presiden Sepanyol Josi Luis Rodriguez Zapatero itu, bertujuan mencari jalan bagi merapatkan jurang yang semakin membesar antara negara dan budaya di seluruh dunia serta mewujudkan perkongsian baru dalam menggalakkan persefahaman sejagat.

Beberapa inisiatif dijangka diumumkan pada akhir forum itu, termasuk projek utama yang bertujuan menggalakkan pemahaman antara budaya dalam bidang media dan belia serta komitmen dan perkongsian lain yang membabitkan kerajaan serta pertubuhan multilateral.

AOC yang diwujudkan pada 2005 hasil inisiatif kerajaan Sepanyol dan Turki, terletak di bawah naungan PBB serta disokong Group of Friends yang dianggotai masyarakat 75 negara dan badan serta pertubuhan antarabangsa.

Naimun berkata, Perdana Menteri juga akan mengadakan pertemuan dengan Zapatero dan kedua-dua pe-

mimpin dijangka bertukar pandangan mengenai pelbagai perkara termasuk perkembangan terbaru di Timur Tengah dan Asia Tenggara.

Ia adalah lawatan kerja pertama Perdana Menteri ke Sepanyol selepas kunjungannya ke sini pada 2004. Ia juga adalah lawatan pertama Abdullah ke luar negara tahun ini.

"Lawatan Perdana Menteri diharapkan menjadi titik permulaan ke arah meningkatkan lagi hubungan kedua-dua negara, terutama dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pelancongan," katanya.

Beliau berkata, sebagai negara kedua terbesar dari segi ekonomi dalam

Kesatuan Eropah dan kelapan terbesar di dunia, Sepanyol mempunyai potensi besar untuk diterokai.

Dalam tempoh 10 bulan pertama tahun lalu, dagangan kedua-dua negara berjumlah RM3.59 bilion dengan eksport Malaysia ke Sepanyol berjumlah RM1.27 bilion, kebanyakannya produk elektrik dan elektronik serta getah.

Setakat ini, kedua-dua negara sudah menandatangani empat perjanjian, termasuk berkaitan cukai berganda, visa dan jaminan pelaburan.

Naimun berkata, Malaysia juga boleh menarik lebih ramai pelancong Sepanyol kerana penduduknya kini mula beralih ke destinasi pelancongan di Asia.

Pada 2006, 15,179 pelancong Sepanyol melawat Malaysia dan tahun lalu kerajaan menasaskan untuk menarik 20,000 orang.

Beliau berharap Penerbangan Malaysia (MAS) dapat mengadakan semula penerbangan terus ke sini yang dihentikan pada 1998 bagi menarik lebih ramai pelancong Sepanyol serta merapatkan hubungan penduduk kedua-dua negara.

Sepanyol mempunyai 44 juta penduduk termasuk satu juta beragama Islam, kebanyakannya pendatang terutama dari Maghribi dan Algeria.

FAKTA NOMBOR

Forum Perikatan Ketamadunan

75

Negara dan badan pertubuhan antarabangsa anggota AOF

50

Menteri luar serta pemimpin politik, masyarakat dan agama dijangka hadir